

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JMS213 – Sejarah Politik Malaysia Moden

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Dengan termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 diikuti dengan perjanjian-perjanjian lain, sistem politik Melayu tradisional mula terhapus dan digantikan dengan sistem politik baharu. Bincangkan perubahan politik berkenaan.
(25 markah)
2. Mohd Nordin Sopiee berpendapat bahawa gagasan Malayan Union adalah satu bentuk penjajahan ke atas Tanah Melayu dalam usaha pihak British memberikan taraf pemerintahan sendiri (*colonize in order to decolonize*). Bincangkan pandangan ini dengan merujuk kepada perkara-perkara utama yang terkandung dalam Perlembagaan Malayan Union itu.
(25 markah)
3. Faktor ketaatsetiaan orang Melayu kepada sultan menjadi penting dalam sejarah jatuh bangun semangat nasionalisme Melayu sehingga 1946. Nilaiakan pernyataan ini.
(25 markah)
4. Pada pendapat anda, wujudkah semangat dan perjuangan nasionalisme Malaya dalam sejarah negara kita? Berikan hujah-hujah anda bersama contoh yang sesuai.
(25 markah)
5. Uniknya krisis politik yang berlaku di Sarawak antara tahun 1965 hingga 1970 adalah kerana ia merupakan krisis dalaman Parti Perikatan Sarawak. Dengan merujuk kepada krisis-krisis yang berlaku, bincangkan faktor utama yang membawa kepada berlakunya krisis berkenaan.
(25 markah)
6. Krisis Perlembagaan 1983 mempunyai kaitan rapat dengan krisis-krisis istana yang berlaku sebelum itu. Bincangkan.
(25 markah)

SULIT